

Bah

Parlimen - Mapen

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) untuk mendapatkan beberapa idea yang boleh diterima oleh kerajaan dalam penggubalan dasar ekonomi negara selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Perdana Menteri hari ini berkata walaupun kerajaan tidak lagi terikat untuk menerima sepenuhnya dasar yang dicipta oleh Mapen secara tidak sepakat itu, mungkin ada idea-idea dalam dasar yang dicipta oleh anggota Mapen yang boleh diterima.

Semasa menjawab serentak tiga soalan mengenai Mapen di Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelewatan laporan Mapen disebabkan sikap pihak tertentu dan parti pembangkang yang lebih mengutamakan politik parti daripada kepentingan nasional.

+Mereka hanya mengganggu perbincangan Mapen dan tidak cuba mencari kata sepakat engan ikhlas. Oleh kerana mereka menentang semua pendapat pihak lain, maka terlewatlah kerja Mapen+, katanya semasa menjawab soalan-soalan Lim Guan Eng ((DAP-Kota Melaka), Chian Heng Kai (DAP-Bukit Mertajam) dan Encik S. S. Subramaniam (BN-Segamat)

Beliau mempersoalkan keghairahan pihak yang menarik diri daripada Mapen untuk melihat kerajaan menerima dasar yang dibentuk oleh sebahagian daripada anggota Mapen. -- Lagi.

♥05/12/16-57MST

Bah

Parlimen - Mapen 2 Kuala Lumpur

+Apakah mereka sanggup menyokongnya atau mereka tidak dapat menunggu untuk mengecamnya?+ tanya Perdana Menteri.

Katanya, sebahagian kumpulan yang menarik diri dari Mapen ialah kumpulan yang penting yang akan bebas-mengutuk dasar yang dibentuk oleh baki anggota Mapen.

Hasil tindakan itu, katanya, menunjukkan pengkritik DEB sendiri tidak berupaya mencipta dasar ekonomi yang lebih baik dan sesuai dari yang dicipta kerejaan kerana mereka hanya mampu mengkritik.

Ia juga menunjukkan dasar ekonomi yang dicipta oleh baki Mapen bukanlah yang ideal yang boleh diterima oleh semua masyarakat majmuk Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa Mapen dibentuk untuk memberi peluang kepada semua pihak termasuk semua pengkritik dan cerdik pandai untuk membentuk dasar ekonomi bagi tahun-tahun selepas 1990 yang boleh diterima semua. -- Lagi.

CNS6742

U CC 05-12 00169 BA888

Bah

Parlimen - Mapen 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata DEB dan Malaysia mendapat nama buruk di dalam dan luar negeri akibat usaha gigih parti lawan yang memutarbelitkan isu seolah DEB dicipta dengan niat jahat walaupun pada asasnya ia bertujuan mewujudkan pembangunan masyarakat seimbang.

Katanya, pembentukan suatu dasar yang bercorak +socio-economic engineering+ atau membahagi kekayaan dengan lebih adil bukanlah suatu yang mudah.

+Sistem komunis dan sosialis adalah dicipta untuk maksud itu tetapi kedua-dua sistem bukan sahaja tidak berjaya tetapi memburukkan lagi keadaan di mana negara mereka begitu miskin+.

Sebaliknya setelah DEB berjalan 20 tahun, walaupun matlamatnya tidak tercapai sepenuhnya, tetapi pembangunan ekonomi, sosial dan politik negara tidak terjejas kerana negara yang tiada masalah kaum pun tidak berjaya dibangunkan seperti Malaysia, katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin melaksanakan dasar ekonomi yang ideal jika ia boleh dicipta iaitu dasar yang boleh membawa keadilan dalam masyarakat majmuk yang pembangunannya jelas tidak adil dan seimbang antara kaum. -- Lagi.

♥05/12/17-46MST

CNS6743

U CC 05-12 00077 BA889

Bah

Parlimen - Mapen 5 Kuala Lumpur

Semasa menjawab soalan Haji Ibrahim Ali (S.46-Pair Mas), beliau berkata walaupun ada pihak di dalam Barisan Nasional sendiri iaitu MCA turut mengkritik peranan Mapen tetapi parti itu tidak pula menarik diri seperti yang dilakukan oleh parti pembangkang.

Kepada soalan Encik Ahmad Nor (DAP-Bayan Baru), Perdana Menteri berkata jika pembangkang menentang pelaksanaan DEB sama ertinya mereka membantah dasar itu sendiri. -- Bernama.

♥05/12/17-46MST

♥05/12/16-58MST

Bah

Parlimen - Mapen 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata jika dasar yang dipersetujui oleh baki anggota Mapen dilaksanakan kerajaan, maka nasib dasar itu akan menjadi sama dengan dasar ekonomi yang dicipta kerajaan seperti DEB dahulu.

Katanya, ini berlaku kepada DEB yang setelah dilaksanakan ramai terutama parti pembangkang mengkritiknya dan ia tidak menolong menjayakan DEB.

+DEB menjadi sasaran yang amat digemari oleh semua pihak kononnya ia hanya menolong beberapa kerat bumiputera yang dipilih oleh kerajaan.

+Ada pihak yang mendakwa kononnya kerajaan mendapat kekayaan yang banyak, kononnya kebanyakan bumiputera menjadi lebih miskin, hubungan antara kaum tegang dan bukan bumiputera rugi besar dan pembangunan negara terjejas,+ tambahya lagi.

Beliau berkata semasa DEB dibentuk pada tahun 1970, tidak ramai masyarakat Malaysia dirunding apatah lagi parti pembangkang.

Sekiranya kerajaan menerima dan melaksanakan dasar yang dipersetujui oleh Mapen berdasarkan sekumpulan kecil anggota yang masih berada dalam Mapen, maka nasib dasar ini menjadi sama dengan DEB. -- Lagi.

♥05/12/17-31MST